



## ■ Bomba umpil jeriji rumah tak berpenghuni

**Mohd Husni Mohd Noor**  
mhusni@hmetro.com.my

### Putrajaya

**S**epasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya terpaksa mengumpul pintu jeriji sebuah unit pangsapuri Projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA), Presint 11, di sini bagi memadam kebakaran sebuah bilik sekali gus mengelak api daripada terus merebak.

Dalam kejadian jam 10.30 pagi itu, orang awam mendakwa melihat asap tebal

dari sebuah bilik di aras 12 pangsapuri berkenaan sebelum bertindak menghubungi pihak berkuasa.

Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Putrajaya Nor Aziah Hassan berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 10.37 pagi dan mengambil masa 10 minit untuk memadam kebakaran.

Beliau berkata, ketika kejadian, pemilik kediaman tiada di rumah kerana keluar bekerja, malah anggota terpaksa mengumpul pintu jeriji untuk memasuki unit kediaman berkenaan

bagi memadam kebakaran.

“Api berjaya dipadam dalam masa 10 minit. Siasatan awal mendapati, kebakaran bermula dari sebuah bilik tidur kedua yang menempatkan tilam dan bantal selain beberapa barangan lain yang mudah terbakar,” katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, pihaknya masih menyiasat punca kejadian termasuk anggaran kerugian.

Nor Aziah berkata, kebakaran itu adalah kali pertama dilaporkan di PR1MA sejak ia diduduki secara rasmi sejak dua tahun lalu.